

## ISU DAN PERMASALAHAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF DALAM SISTEM PENILAIAN DI MALAYSIA

**Mohd Haidzir Yusof@Jusoh, Norasmah Othman**

[haidzirjusoh@yahoo.com](mailto:haidzirjusoh@yahoo.com), [lin@ukm.edu.my](mailto:lin@ukm.edu.my)

Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Pentaksiran merupakan satu proses mengukur dan menilai kebolehan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di sekolah, amalan pentaksiran dilakukan oleh guru untuk menguji tahap pencapaian dan kemajuan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran Alternatif merupakan salah satu sistem pentaksiran baharu yang digunakan untuk menilai kebolehan dan pencapaian murid secara holistik dan autentik. Kertas konsep ini akan membincangkan mengenai definisi pentaksiran, pentaksiran formatif dan sumatif, perbandingan antara pentaksiran tradisional dengan pentaksiran alternatif. Seterusnya, perbincangan mengenai kekangan pentaksiran alternatif seperti kesediaan guru, sikap guru, pengetahuan pentaksiran, peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran, bebanan guru serta pengaruh pihak berautoriti. Kertas konsep ini diakhiri dengan cadangan bagi mengatasi masalah dan kekangan tersebut.

**Kata kunci:** *Sistem Pentaksiran, Pentaksiran Alternatif*

### 1.0 PENGENALAN

Sistem pentaksiran pendidikan di Malaysia mengalami perubahan seiring dengan perkembangan sistem pendidikan dunia yang berbentuk global dan semakin mencabar. Sistem pentaksiran alternatif merupakan sistem pentaksiran yang baharu yang dilaksanakan di dalam sistem pendidikan Malaysia. Ianya merupakan proses pentaksiran yang dilakukan secara menyeluruh semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pentaksiran alternatif termasuklah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang dilaksanakan secara berterusan, adil, telus, mengikut standard untuk menilai kemampuan dan pencapaian sebenar murid. Pentaksiran alternatif dilakukan oleh guru ke atas murid semasa proses PdP secara berterusan di dalam kelas. Dalam Rancangan Malaysia yang ke Sembilan (RMK-9), Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) telah menggariskan enam teras strategik untuk mengukuh dan membangunkan sistem pendidikan Malaysia. Enam teras tersebut ialah membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasakan sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan juga melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Pendidikan berperanan dalam membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri, berketerampilan, berkeperibadian mulia ,berpengetahuan dan berkemahiran

tinggi. Modal insan yang ingin dilahirkan ini juga berupaya untuk berfikir secara kreatif dan kritis, berkemahiran menyelesaikan masalah dan mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan cabaran dunia global yang sering berubah-ubah mengikut peredaran zaman. Beberapa fokus utama dalam membangunkan modal insan yang telah menggariskan pelan tindakan bagi merangka strategi pembaharuan kepada struktur kurikulum pendidikan kebangsaan dan juga kepada sistem pentaksiran kebangsaan. Fokus 2: meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan Fokus 4: memantapkan sistem pentaksiran dan penilaian supaya lebih holistik serta menggariskan beberapa strategi yang perlu dilaksanakan bagi memantap dan memperkuuhkan pelaksanaan sistem pendidikan negara (Ghani 2008).

Pengertian istilah pentaksiran atau *assessment* adalah berasal daripada perkataan Greek “Assidere” iaitu bermaksud “duduk di sisi” (Adimin, 2011). Airasian (2014) pula mentafsir penilaian sebagai proses pengumpulan, sintesis dan interpretasi maklumat di mana pengujian, pengukuran dan penilaian digunakan oleh guru untuk membuat keputusan dalam proses pembelajaran. Menutut Linn dan Miller (2005) pula mendefinisikan pentaksiran sebagai kaedah-kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang proses pembelajaran iaitu aktiviti pemerhatian, penilaian prestasi projek dan ujian serta menilai perkembangan pencapaian dan kemajuan murid. (Ghafar 2011) pula mendefinisikan pentaksiran sebagai suatu proses mengukur, proses penilaian secara bersistematis yang melibatkan aktiviti pengumpulan, penganalisisan dan penterjemahan tentang tahap pencapaian pelajar terhadap objektif pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, pentaksiran alternatif merupakan proses pengumpulan, analisis, sintesis dan interpretasi keseluruhan maklumat berkaitan pengajaran dan pembelajaran untuk membantu murid meningkatkan kebolehan dan membuat keputusan bagi membuat penambahbaikan serta mencapai matlamat dalam pembelajaran.

## **2.0 ISU DAN PERMASALAHAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF**

### **2.1 KONSEP PENTAKSIRAN**

Bagi mengenalpasti tahap pencapaian dan potensi murid, pentaksiran perlu dilakukan. Pentaksiran adalah kombinasi antara tiga proses iaitu proses mengumpul , menginterpretasi maklumat dan membuat keputusan berdasarkan kepada hasil dari interpretasi maklumat tersebut(David Payne 2003). Bagi mengenalpasti pencapaian, kebolehan dan potensi murid, guru boleh meggabungkan proses pengukuran dan penilaian. Rashidah (2008) menyatakan bahawa Pentaksiran dalam pendidikan merupakan satu proses untuk mendapatkan maklumat dan membuat rumusan tentang hasil sesuatu proses pembelajaran . Beliau juga berpendapat bahawa pentaksiran merupakan suatu proses memerhatikan pembelajaran. Pendidikan pula merupakan suatu proses membina insan yang berkualiti yang memberi kesan kepada pembentukan bangsa.

Pentaksiran pendidikan pula merujuk kepada proses untuk melahirkan modal insan mengikut ciri-ciri daripada proses pendidikan itu.

Pengukuran pula merupakan pemberian angka-angka atau nombor kepada sesuatu objek atau perkara mengikut satu set peraturan yang telah ditetapkan. Pengukuran boleh berbentuk ujian, skala kadar (*rating scales*) atau senarai semak (Bhasah 2003). Manakala penilaian pula ditakrifkan sebagai proses menentukan, mendapatkan dan memberi maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan mengenai tindakan selanjutnya. Dalam pendidikan, penilaian bolehlah didefinisikan sebagai satu proses sistematis untuk menentukan sejauh mana objektif pengajaran telah dicapai oleh para pelajar (Siti Rahayah 2008). Oleh itu, jika dibandingkan pengukuran melibatkan pemberian (assigning) nombor atau peringkat maklumat yang diperlukan. Pengukuran lebih kepada kuantitatif, manakala penilaian boleh menggunakan maklumat kuantitatif atau kualitatif yang mengandungi pernyataan deskriptif bertujuan untuk menghuraikan dengan lebih lanjut, jelas atau membuat analisis terhadap sesuatu isu (Bhasah 2003). Maklumat kualitatif dalam penilaian adalah seperti "Baik", "Cemerlang", "Menguasai tahap pencapaian minimum" dan "Boleh membaca dengan kefahaman yang tinggi". Perhatikan bahawa maklumat kualitatif dalam penilaian boleh jadi nilai atau interpretasi kepada maklumat kuantitatif. Proses penilaian berhenti setakat memberi nilai atau interpretasi tanpa membuat keputusan seperti "layak memasuki aliran Sains".

## 2.2 PENTAKSIRAN FORMATIF DAN SUMATIF

Terdapat dua jenis pentaksiran iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif yang diamalkan oleh para guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Tujuan penilaian formatif ialah untuk mendapat maklumat tentang kemajuan pelajar dan mengukur penguasaan pelajar terhadap topik atau unit tertentu. Ujian ini boleh dilakukan dengan kuiz dan ujian-ujian unit. Jika pelajar belum menguasai, pengubahsuaian pengajaran perlu dilakukan (Kathy & Winifred 2003, Siti Rahiyah 2008, Abu Bakar et al. 2008). Ujian sumatif dikaitkan dengan penilaian pada akhir semester atau akhir tahun. Penilaian ini memberikan nilai yang membezakan pencapaian seorang murid dengan murid lain dan seringkali digunakan untuk membuat pemilihan (BPK 2011).

Jadual 1: Jenis pentaksiran dalam bilik darjah

	Formatif	Sumatif
Tujuan	Untuk memonitor dan membimbing satu proses yang masih dalam perlaksanaan	Untuk menilai dan menghakimi tahap kejayaan sesuatu proses yang telah sempurna dilaksanakan
Masa pentaksiran	Semasa proses sedang berjalan	Diakhir sesuatu proses yang telah dilaksanakan
Jenis Teknik	Pemerhatian tidak formal kuiz, kerja rumah, soalan pelajar, lembaran kerja	Ujian formal,projek peperiksaan

dan lain-lain

Kegunaan maklumat Pentaksiran	Memperbaiki dan mengubah proses yang sedang berlangsung	Untuk membuat penghakiman terhadap pencapaian keseluruhan proses, pemberian gred, penempatan, penganugerahan dan lain-lain.
-------------------------------	---	---

Sumber: Azhar 2006.

Di samping itu, beberapa jenis ujian atau pentaksiran yang dijalankan di dalam bilik darjah juga boleh dijalankan berdasarkan ujian kriteria (URK) dan ujian rujukan norma(URN) (Bashah, 2003). Bagi mengenal pasti sama ada seseorang guru ada menjalankan pentaksiran untuk pembelajaran atau sebaliknya semasa proses pengajaran di bilik darjah, perlu ada empat ciri utama pentaksiran ini (Mohamad Azhar 2007 ) iaitu:

#### **a. Berkongsi objektif pembelajaran antara guru dan pelajar**

Berkongsi objektif pembelajaran bermaksud guru memaklumkan kepada pelajar apakah yang akan dipelajari oleh pelajar dan mengapa mereka harus mempelajari isi pelajaran tersebut. Langkah ini bertujuan untuk memberi pelajar gambaran menyeluruh tentang apa yang sepatutnya dipelajari ketika itu. Untuk tujuan tersebut, guru mestilah menggunakan pelbagai strategi seperti sesi sumbangsaran dalam kumpulan atau menerangkannya menggunakan ayat atau perkataan yang difahami oleh pelajar. Apabila langkah ini dilakukan, barulah guru dan pelajar sama-sama berusaha untuk mencapai objektif pengajaran.

#### **b. Penyoalan lisan yang kerap dan berkesan**

Penyoalan lisan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, contohnya untuk mengenalpasti setakat mana kefahaman pelajar, mengukuhkan pembelajaran, untuk menjelaskan isi-isi penting, sebagai langkah pengajaran (AAIA 2002) dan Iain-lain lagi. Sebagai aktiviti pentaksiran untuk pembelajaran, penyoalan lisan difokuskan untuk membantu pembelajaran pelajar yang lebih baik. Terdapat dua jenis penyoalan lisan yang perlu digunakan oleh guru, iaitu soalan jenis tertutup dan soalan jenis terbuka.

#### **c. Memberikan maklum balas yang berkesan**


Menurut Henry (2002), dalam memberikan maklum balas terhadap setiap tugas pelajar, guru mesti menyedari bahawa apabila memberi markah atau gred dan diikuti dengan memberi komen bagaimana seharusnya pelajar memperbaiki tugas tersebut, biasanya menyebabkan pelajar tidak memperdulikan komen yang diberikan tetapi lebih tertumpu kepada markah atau gred. Dalam hal ini, pelajar yang mendapat markah yang rendah merasakan mereka sukar memperbaikinya sepetimana yang dikehendaki oleh komen guru dan pelajar yang mendapat markah tinggi pula tidak memperdulikan komen yang diberikan oleh guru untuk mengukuhkan

pembelajaran mereka. Sebaliknya, jika diberikan markah sahaja tanpa diberikan sebarang komen, langsung tidak membantu pelajar memahami apakah yang seharusnya dilakukan bagi memperbaiki pembelajaran.

#### d. Menggalakkan pentaksiran kendiri dan pentaksiran oleh rakan sebaya

Pentaksiran kendiri bermaksud pelajar itu sendiri mentaksir tugasannya dan pentaksiran rakan sebaya bermaksud tugasannya ditaksir oleh rakan sebaya. Kedua-dua jenis pentaksiran ini membolehkan pelajar: (i) dimotivasikan oleh dirinya sendiri atau oleh rakan sebaya, di mana ini merupakan salah satu ciri pentaksiran untuk pembelajaran, (ii) membantu pembelajarannya sendiri dan (iii) dibantu bagi memahami proses pentaksiran. (Black & Wililiam 1998)

Rajah 1: Konsep Pentaksiran Alternatif- Pentaksiran berdasarkan sekolah (PBS)



##### 2.2.1 Perbezaan Pentaksiran Berdasarkan Sekolah dengan Penilaian Tradisional

Perbezaan antara PBS dengan penilaian tradisional ialah PBS mengandungi unsur formatif dengan instrumennya yang tersendiri, pentaksiran ini disepadukan dengan proses pengajaran dan pembelajaran(P&P) yang berlaku di dalam kelas serta merupakan salah satu bentuk penilaian berterusan. Manakala penilaian tradisional pula adalah bercorak sumatif, di mana pentaksiran adalah berasingan dan terpisah pengajaran dan pembelajaran(P&P). Kekuatan dan kelemahan

seseorang pelajar itu juga boleh dikenal pasti melalui proses PBS dengan kadar segera agar tindakan dapat diambil dengan segera bagi membantu proses pembelajaran pelajar berkenaan, seiring dengan perkembangan yang diperoleh oleh rakan-rakan mereka di dalam bilik darjah.(Payne 2003, Zamri 2010).

Jadual 2 : Perbezaan ciri-ciri Pentaksiran dan Penilaian Tradisional

Ciri-Ciri	Pentaksiran PBS	Penilaian Tradisional
Kandungan	Menekankan kemajuan	Menekankan akauntabiliti
Objektif	Integrasi objektif dan hasil	Cenderung untuk mengasingkan peringkat rendah dan memisahkan objektif
Tugasan	Pelbagai lebih terbuka	Berstruktur
Pentadbiran	Mengambil masa	Efisien
Maklum balas	Biasanya	
Pemarkahan dan laporan	Boleh jadi sukar, multidimensi	Objektif
Reliabiliti	Boleh mencapai tahap penerimaan dengan cara latihan	Sentiasa Tinggi
Kos	Boleh mencapai tahap tinggi	Kos per unit sederhana
Kesan	Kurang memberi impak kepada pelajar	Memberi cabaran kepada pelajar

Sumber: Payne 2003. *Applied Educational Assessment*

Kebanyakan ujian yang dibuat dalam dunia pendidikan adalah berbentuk pentaksiran prestasi. Penaksiran prestasi merupakan satu bentuk penaksiran yang berdasarkan kepada pemerhatian dan pengadilan terhadap sesuatu proses atau produk hasil daripada pelaksanaan sesautu tugas. Ia juga disebut sebagai penaksiran alternatif.

KPM telah melakukan transformasi pendidikan dengan mengenalkan Kurikulum baru yang dikenali dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2011. Kurikulum ini menekankan pentaksiran alternatif yang dikenali dengan standard prestasi. Menurut Abu Bakar et al. (2008), pentaksiran alternatif mempunyai format tersendiri untuk menguji calon dari aras yang paling rendah di mana pelajar dikehendaki memberikan jawapan bertulis atau lisan sehingga aras pelajar dikehendaki menunjukkan hasil kerja yang telah dilakukan dalam satu tempoh yang telah ditetapkan. Berdasarkan dokumen standard KSSR 2011 bagi murid tahun satu, antara tugas dan aktiviti yang dilakukan oleh murid adalah membuat kad ucapan dan aktiviti kalam jamaie. Pentaksiran

alternatif (berdasarkan prestasi ) tidak seperti ujian tradisional yang lebih menekankan kepada penggunaan pen dan kertas.

### **3.0 KEKANGAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF**

#### **3.1 Kesediaan Guru**

Ketidaksediaan guru dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif di sekolah juga menimbulkan pelbagai isu seperti isu kesahan, kebolehpercayaan, praktikaliti, pentadbiran, pemantauan dan penyetaraan, (Yaakop, 2002). Kebanyakan guru tidak bersedia dengan tugasan pentaksiran alternatif seperti PBS yang hanya menambahkan tugas guru. Walaupun guru telah diberi latihan dan kursus, sebilangan guru masih lagi tidak yakin dalam melaksanakan pentaksiran alternatif. Kajian soal selidik LPM yang dijalankan mengenai kesediaan guru melaksanakan PBS secara atas talian (online) pada September 2012 mendapati guru kurang memahami mengenai cara melaksanakan pentaksiran seiring dengan proses pengajaran dan pembelajaran (pentaksiran formatif). Hal ini adalah kerana, kesukaran guru membina instrumen pentaksiran yang pelbagai bentuk kerana masih terikat dengan fahaman dan kebiasaan menilai pencapaian murid menggunakan ujian berbentuk kertas dan pensel. Ini bermakna, guru masih lagi percaya bahawa penilaian sumatif dan berbentuk tradisional adalah sistem penilaian yang terbaik untuk menentukan kebolehan dan kemajuan murid,

#### **3.2 Sikap Guru**

Selaras dengan perubahan fokus dan format pentaksiran, kompetensi para guru perlu dipertingkatkan agar dapat menjalankan tugas secara profesional dan berwibawa. Salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan pentaksiran di sekolah adalah pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang pentaksiran pendidikan (Rohaya et al. 2008). Literasi pentaksiran merupakan kriteria penting dalam menjayakan matlamat pendidikan berkualiti. Sehubungan itu, beliau telah mencadangkan agar guru diberikan latihan berterusan dalam bidang pentaksiran. Selain dari itu, guru perlulah mempunyai strategi pengajaran yang menarik minat murid untuk mencapai objektif pengajarannya. Proses PdP yang berkesan memerlukan para guru memahami peranannya, pelajarnya dan persekitarannya. Ini disebabkan para guru dan pelajar kerap kali membawa pengalaman mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Norasmah (2000) dan Zamri (2004) berpendapat bahawa guru perlu benar-benar mengetahui pelbagai model, kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran, dan berusaha menggunakan mengikut keadaan dan kesesuaian. Dapatkan kajian Rashidah (2008) turut mendapati guru menghadapi masalah dan kekeliruan untuk membezakan tujuan dan matlamat sebenar penggunaan ujian formatif dalam bilik darjah sebagai satu strategi kepada praktis pelaksanaan pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) dan pentaksiran

pembelajaran (*assessment of learning*). Selain itu, tahap kesediaan guru untuk melaksanakan pentaksiran untuk pembelajaran juga sederhana.

### **3.3 Pengetahuan Pentaksiran**

Pengetahuan pentaksiran amat penting dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran dengan lebih berkesan. Ruslina (2003) dan Radin (2008) menyenaraikan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pentaksiran. Ia adalah berdasarkan kefahaman, kemahiran, latihan dan panduan yang diterima guru serta keupayaan guru untuk mentaksir dari aspek bebanan tugas dan masa. Abdul Zubir (2007) pula mendapati hampir separuh daripada kalangan guru-guru yang terlibat dengan kajian beliau tidak pernah menerima latihan atau pendedahan secara khusus atau secara formal. Mereka hanya melaksanakan PBS berdasarkan buku-buku panduan PBS yang berkaitan dan juga maklumat yang diperolehi daripada rakan sejawat. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa guru tidak diberi mengajar mengikut opsyen, penilaian kerja kursus membazirkan masa. Kajian Singh (2007) pula mendapati bahawa guru yang berkesan ialah guru yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam pelbagai disiplin ilmu. Hal ini bermaksud guru haruslah mempunyai ilmu pengetahuan yang pelbagai dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta proses pentaksiran.

### **3.4 Peruntukan Masa Pengajaran Dan Pembelajaran**

Dalam melaksanakan pentaksiran alternatif seperti PBS, guru hendaklah diperuntukkan masa yang mencukupi untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Mohamad Azahar (2006), mendapati bahawa tempoh masa pengajaran yang terlalu pendek sehingga guru tidak sempat menjalankan aktiviti pentaksiran. Selain itu, masa yang diperuntukkan adalah untuk proses pengajaran dan pemudahcaraan (Pdpc). Pengagihan jadual guru yang dilaksana di sekolah didapati kurang berkesan kerana terdapat guru yang mengajar dengan masa yang banyak dan padat dalam seminggu. Keadaan ini menyebabkan guru tidak dapat menjalankan aktiviti pentaksiran alternatif PBS dengan lebih berkesan. Guru juga ditugaskan untuk menggantikan guru yang tidak hadir. Selain itu, aktiviti sampingan sekolah juga mengganggu masa pengajaran guru. Hal ini menyebabkan guru terpaksa bertungkus lumus menghabiskan silibus. Kesemua isu yang dinyatakan di atas merupakan masalah yang mengganggu pengurusan pengajaran dan pembelajaran termasuk aktiviti pentaksiran.

### **3.5 Bebanan Guru**

Merujuk kepada kajian oleh Wan Mohd Zuhairi (2004), banyak aktiviti pentaksiran yang diamalkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran lebih menjurus kepada menamatkan sukanan pelajaran yang telah ditetapkan dan menumpukan kepada persediaan untuk menduduki peperiksaan (exam oriented). Akibatnya, satu perasaan kebimbangan, kerisauan dan tekanan dirasai oleh sebahagian pelajar yang mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah. Ini seterusnya menimbulkan ketakutan dan konflik kepada pelajar berkenaan. Natijah dari kebimbangan ini, beberapa kemahiran berbahasa seperti berkomunikasi tidak begitu dikuasai oleh pelajar dengan baik. Banyak masa diberikan terhadap bagaimana menjawab soalan dengan betul dan menepati kehendak pepeiksaan. Dalam kajian Abdull Sukor Shaari et al. (2006) tentang beban tugas guru di sekolah rendah kawasan Pusat Kegiatan guru (PKG) di daerah Kota Star mendapati guru terbeban dengan tugas akademik dan bukan akademik di sekolah. Hal ini menyebabkan guru membawa balik kerja sekolah di rumah untuk disiapkan. Beliau juga menemui bahawa tugas pentaksiran PBS oleh guru juga tidak dapat dilakukan di sekolah dan menyebabkan guru terpaksa melakukan proses pentaksiran PBS di rumah.

### **3.6 Pihak Berautoriti**

Radin (2008) menegaskan perlunya sokongan dari institusi tertentu untuk menjayakan program PBS. Institusi terbabit ialah seperti pentadbir sekolah dan pihak jabatan atau kementerian yang bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan di bengkel khususnya pentaksiran yang melibatkan kerja kursus. Sokongan dari institusi tersebut penting dalam menjayakan program PBS di sekolah.

Manakala kajian Yusof et al. (2011) mendapati guru besar telah memahami PBS pada tahap tinggi, memberi sokongan dalam pelaksanaan PBS pada tahap tinggi dan menunjukkan tahap permasalahan di peringkat sederhana. Kajian ini juga telah mengenal pasti beberapa aspek permasalahan yang dihadapi oleh guru besar dalam pelaksanaan PBS yang perlu diatasi supaya pelaksanaan PBS memenuhi hasrat yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia serta memenuhi aspirasi negara melalui Dasar Pentasiran Negara secara holistik.

## **4.0 CADANGAN**

### **4.1 Pembuat Dasar ( Kementerian Pendidikan Malaysia dan Lembaga Peperiksaan Malaysia)**

Pelaksanaan Pentaksiran alternatif akan menjadi lebih berkesan sekiranya pihak berwajib seperti KPM dan LPM memberikan penjelasan akan kepentingan dan kelebihan pentaksiran alternatif berbanding pentaksiran tradisional. Semua guru hendaklah diberi latihan dan kursus untuk membolehkan mereka dapat melaksanakan pentaksiran dengan lebih berkesan. Guru hendaklah

didedahkan dengan kepentingan pentaksiran alternatif dan bukannya menekankan kepada bagaimana untuk melaksanakan Pentaksiran sekolah (Ramlah, Jamil dan Analisa, 2015).

Seperti yang diketahui umum bahawa latihan dan kursus akan melahirkan guru yang lebih berkeyakinan menjalankan aktiviti pentaksiran. Dalam hal ini, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia hendaklah sentiasa menganjurkan kursus dan bengkel berkaitan peningkatan profesionalisme guru berkaitan aspek pentaksiran seperti cara pembinaan item/ instrumen pentaksiran yang betul, cara menggunakan atau mengaplikasikan maklumat pentaksiran sebelum, semasa dan selepas pengajaran, cara membangunkan kaedah pengajaran yang sesuai mengikut hasil pentaksiran, cara berkomunikasi tentang keputusan pentaksiran kepada murid, ibu bapa dan pentadbir dan sebagainya (Ramlah et al. 2015). Perlu ditekankan di sini bahawa latihan dan kursus hendaklah diberikan kepada setiap guru dan bukannya memilih guru tertentu untuk menjalani kursus pentaksiran. Hal ini dapat melahirkan semua guru yang berkeyakinan untuk melakukan aktiviti pentaksiran. Stingins dan Chappuis (2006) menyatakan bahawa apa yang menjadi kebimbangan adalah kita tidak memberi peluang kepada guru-guru untuk belajar bagi memahami prinsip-prinsip pentaksiran untuk pembelajaran (*assessment for learning*) untuk membuat persediaan untuk mengajar dan institusi-institusi latihan perguruan juga dilihat sering gagal untuk memasukkan kursus ini dalam program kursus mereka.

Pihak KPM juga perlu peka dengan tahap motivasi guru dari masa ke semasa. Selain itu, kursus motivasi perlu diberikan kepada guru dari masa ke semasa. Dengan itu, faktor kecerdasan, kebodohan dan kemalasan bukan lagi faktor penghalang kepada pembangunan sikap yang positif terhadap pentaksiran ( Ramlah et al. 2015).

#### **4.2 Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah**

Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) terlebih dahulu perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang lebih tinggi berbanding guru-guru di sekolah. Mereka perlu mengadakan sesi penataran di peringkat negeri dan daerah dengan lebih efektif agar tidak berlaku ketirisan atau kecairan maklumat tentang pentaksiran dalam kalangan guru di sekolah. Mereka juga perlu melaksanakan penjaminan kualiti 4P dalam PBS dengan lebih kerap dan konsisten supaya pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah di sekolah berjalan dengan lebih telus dan mempunyai tahap integriti yang tinggi (Aniza dan Zamri, 2015). Peranan SISC+ yang diwujudkan dalam Program Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 perlu proaktif untuk membantu memperluas penyebaran maklumat berkaitan dasar-dasar dan program-program pendidikan kepada guru-guru ( Aniza dan Zamri, 2015).

#### **4.3 Pentadbir Sekolah**

Pihak pentadbir sekolah juga bertanggungjawab untuk merancang dan memantapkan profesionalisme keguruan melalui kursus dalaman seperti program *In House Training*. Kursus dalaman ini dapat membantu guru-guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk melaksanakan aktiviti pentaksiran melalui perkongsian ilmu dalam kalangan guru itu sendiri. Guru-guru yang telah didedahkan dengan kursus Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan dilantik menjadi mentor kepada guru-guru yang kurang berpengalaman dan berpengetahuan dalam melaksanakan PBS (Aniza dan Zamri, 2015).

Usaha ini secara tidak langsung dapat mengurangkan jurang pengetahuan guru-guru tentang PBS. Pentadbir juga seharusnya menjalankan proses Pementoran, Pengesahan, Pemantauan dan Penyelarasan (4P) dengan lebih efektif di sekolah. Bahan rujukan tentang PBS dan kemudahan peralatan melaksanakan pentaksiran perlu diambil kira untuk membolehkan guru-guru menjalankan pentaksiran dengan lebih berkesan (Aniza dan Zamri, 2015).

#### **4.4 Guru**

Keberkesanan aktiviti pentaksiran banyak bergantung kepada guru memandangkan guru ialah pihak yang bertanggungjawab melaksanakannya. Guru hendaklah lebih bersemangat dan lebih kreatif dalam menyediakan pelbagai instrumen dan kaedah pentaksiran bagi menguji keupayaan dan kebolehan murid menguasai sesuatu kemahiran. Usaha ini perlu dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran guru untuk melaksanakan pentaksiran di dalam bilik darjah (Aniza dan Zamri 2015). Di samping itu, guru juga mempelbagaikan cara atau pendekatan dalam menilai murid secara adil agar penilaian yang telus dan tepat dapat diberikan (Noraini dan Zamri 2016). Para guru juga digalakkan untuk mengikuti latihan-latihan pentaksiran untuk menjadikannya aktiviti pentaksiran lebih berkualiti dan secara tidak langsung akan meningkatkan kompetensi guru dalam melaksanakan aktiviti pentaksiran di sekolah.

### **5.0 KESIMPULAN**

Sistem pentaksiran alternatif yang disisipkan dalam sistem pentaksiran di Malaysia akan lebih berjaya sekiranya semua pihak bergabung tenaga untuk melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh. Pentaksiran alternatif dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya sekiranya semua guru mendapat kursus dan latihan yang mencukupi tentang pentaksiran. Latihan yang mencukupi akan mempengaruhi pengetahuan guru serta dapat meningkatkan kemahiran pentaksiran. Jika guru lebih bersedia, aktiviti pentaksiran alternatif akan lebih mudah untuk dilaksanakan di sekolah. Hasil kajian juga mendapati guru terbeban dengan aktiviti pentaksiran PBS yang melibatkan pelbagai prosedur seperti pengumpulan maklumat, merekod, menganalisi dan mempersempembaikan. Selain itu, pengaruh pihak berautoriti seperti pihak pentakbir, pihak PPD dan KPM juga mempengaruhi keberkesanan aktiviti pentaksiran alternatif terutamanya

pentaksiran PBS. Bagi memastikan pentaksiran dilaksanakan dengan betul, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh Begum dan Farooqui (2008) dalam kajiannya iaitu penyelia akademik perlu diberi tanggungjawab untuk memantau, guru besar perlu membuat mesyuarat dan memeriksa rekod semua guru-guru setiap penggal, suatu jawatankuasa perlu dibentuk di setiap sekolah untuk memeriksa rekod tersebut. Sehubungan itu, guru juga perlu memahami segala jenis pentaksiran samada pentaksiran tradisional mahu pun pentaksiran alternatif bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang baik kepada pelajar secara tidak langsung proses pembinaan modal insan yang holistik dapat diteruskan sejajar dengan saranan kementerian.

## 6.0 RUJUKAN

- Adimin, J. (2011). Peperiksaan vs Pentaksiran. Retrieved from [http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2008&dt=0303&pub=DuniaPendidikan&sec=Perspektif&pg=ps\\_01.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2008&dt=0303&pub=DuniaPendidikan&sec=Perspektif&pg=ps_01.htm)
- Aniza Ahmad & Zamri Mahamod. (2015). Tahap Kemahiran Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Berdasarkan Jantina, Opsyen dan Tempat Mengajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* 5(1):18-29
- Airasan, P. W. (2004).*Classroom assessment: concepts and applications*(5th ed.):McGraw-Hill.
- Black, P., & Wiliam, D. 1998. *Assessment and classroom learning*. Assessment in Education, 5(1), 7 -73
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2014). Kementerian Pendidikan Malaysia
- Ghafar, M. N. A. (2011). *Pembinaan & Analisis Ujian Bilik Darjah* (2 ed. Vol. 371.26). Skudai: Penerbit UTM Press.
- Ghani, T. H. A. b. A. (2008). Membangun Modal Insan. Retrieved from <http://sppkkedah.blogspot.com/2009/10/membangun-modal-insan.html>
- Khan, A. (2009). Tidak Lagi Bergantung 100% Kepada Peperiksaan-TPM. Retrieved from <http://sppkkedah.blogspot.com/2009/10/tidak-lagi-bergantung-100-kepada.html>
- Jamil Ahmad & Suzana Abd Mutualib. (2012). *Penggunaan teknik pentaksiran formatif dalam subjek Bahasa Melayu darjah satu: kajian kes*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 2 (1) : 17-30
- KPM .2016. Kurikulum Standard Sekolah Menengah Prinsip Perakaunan Tingkatan 4.BPK.
- Lembaga Peperiksaan Malaysia .2012. *Panduan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah*
- Linn, R. L., & Miller, M. D. (2005). *Measurement and Assessment in Teaching* (9th ed.):Pearson Prentice Hall.

- McMillan, J.H. 2008. *Educational Research: Fundamentals for the Consumer*. Boston: Allyin and Bacon.
- Norasmah Othman. 2000. *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja*, tesis PhD, UPM.
- Norazilawati Abdullah. 2012. *Pelaksanaan Pendekatan Konstruktivisme dalam Mata Pelajaran Sains*, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Panduan Pengurusan PBS. 2012 Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Radin Mohd Shamsul Zamri bin Hirzin .2008. *Penilaian program pentaksiran kerja kursus berdasarkan Sekolah Teknologi Kejuruteraan SPM*. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlah Ab Khalid, Jamil Ahmad & Analisa Hamdan. 2015. Pembentukan Sikap Positif Guru Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Pentaksiran. *Journal of Personalized Learning* 1(1):77-84
- Rohana Yusof. 2003. *Penyelidikan sains sosial*. Bentong: Pts Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Singh, D. R. 2007. *Panduan Ulangkaji Pendidikan untuk KPLI Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd
- Siti Rafiah Abd Hamid, Sharifah Sariah Syed Hassan, Nik Ahmad Hisham Ismail (2012). *Teaching Quality and Performance Among Experienced Teachers in Malaysia*. Australian Journal of Teacher Education, 37(11).
- Stiggins, R., & Chappuis, J. 2006. What a difference a word makes. *Journal of Staff Development*.
- Tan Ai Mei. 2010. *Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia*. Kesediaan Guru, Isu dan Panduan Pelaksanaan. UKM
- Yaakop Ederis. (2002). *Pentaksiran di dalam Matematik: Isu dan cabaran*. Kertas kerja dibentang dalam Seminar Kebangsaan Persatuan Pendidikan Matematik Malaysia (PPMM) 2002. Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Yahya B.T, Muhammad R.R., Kandar S.,& Muhammad Sukri S.(2013) *Kesesuaian kurikulum mata pelajaran Kemahiran Hidup Pertanian Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap keperluan pembelajaran di sekolah*, Jabatan Pendidikan Kejuruteraan dan Teknikal. *Laporan Akhir Penyelidikan*. Fakulti Pendidikan, Univeristi Teknologi Malaysia, Skudai.
- Zamri Mahamod. 2004. *Strategi pembelajaran BM pelajar Melayu*, Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). *Kepelbagaiannya kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 1(1): 51-65.

